

ﷺ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على
رسوله الأمين، وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد:

Ibadah puasa adalah suatu amalan mulia yang amat digalakkan oleh Islam. Selain puasa fardhu Ramadhan, umat Islam juga boleh melakukan ibadah puasa sunat. Ada puasa sunat yang bersifat mingguan (seperti berpuasa pada hari isnin dan khamis), puasa bulanan (tiga hari dalam sebulan) dan puasa tahunan (hari Arafah, 'Asyura' dan enam hari dalam bulan Syawal).

Puasa adalah satu ibadah yang besar keutamaannya. Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan Rasulullah ﷺ bersabda, Allah ﷻ berfirman (dalam hadis Qudsi): ((كُلَّ عَمَلٍ ابْنُ آدَمَ لَهُ إِلا الصَّيَامَ؛ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْرِي بِهِ... وَالَّذِي لِعَمَلِهِ بِهَذَا خُلِقَتْ لَمْ تُصَالِمِ أَطِيبَ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ)) رواه مسلم.

Maksudnya: "Setiap amal manusia adalah untuk dirinya kecuali puasa, ia adalah untuk-Ku dan Aku memberi ganjaran dengan (amalan puasa itu)." (Rasulullah menjelaskan): "Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di tangannya, nafas orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah berbanding wangian kasturi." [Muslim no: 1151]

Selain hadis di atas, terdapat banyak hadis lain yang menerangkan keutamaan puasa sunat.

Abu Said Al-Khudri رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((مَنْ صَامَ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بَعْدَ اللَّهِ وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا)) رواه البخاري.

Maksudnya: "Sesiapa yang berpuasa satu hari pada jalan Allah, nescaya Allah ﷻ menjauhkan mukanya dari api neraka selama 70 tahun". [Al-Bukhari no: 2840]

Di antara puasa sunat ialah puasa enam hari pada bulan Syawal.

Risalah ini akan membincangkan tentang puasa sunat ini.

Dalil Puasa Sunat Enam Syawal.

Abu Ayyub Al-Ansari رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ اتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ)) رواه مسلم.

Maksudnya: "Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian dia mengiringinya dengan enam hari dari bulan Syawal maka seperti ia berpuasa sepanjang tahun." [Muslim no: 1164].

Di dalam hadis ini Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa puasa enam hari selepas bulan Ramadhan akan diganjar pahala seolah-olah berpuasa selama setahun.

Para ulama' menghuraikan rahsia di sebalik ganjaran tersebut, kerana setiap amalan kebaikan manusia akan diganjar sebanyak 10 kali ganda. Puasa 30 hari di bulan Ramadhan diganjar sebanyak 300 hari, manakala puasa 6 hari di bulan Syawal pula diganjar dengan 60 hari. Jika dikira jumlahnya ialah 360 hari, ia hampir menyamai jumlah hari di dalam setahun sebanyak 365 hari.

Hukum Puasa Enam Syawal.

Hukumnya adalah **sunat**. Berkata Imam An-Nawawi r.h.m: "Hadis ini jelas menjadi dalil bagi mazhab Imam al-Syafi'e, Imam Ahmad, Daud dan ulama' yang sependapat dengan mereka bahawa disunatkan berpuasa enam hari (pada bulan Syawal).

Imam Malik dan Imam Abu Hanifah pula menganggap hukumnya **makruh**. Sebabnya kerana bimbang orang ramai akan menyangka ia adalah sebahagian dari puasa Ramadhan (yang wajib hukumnya) padahal ia bukanlah dari puasa Ramadhan." [Syarah Muslim 8/56]

Bilakah Dimulakan Puasa Sunat Enam Syawal?

Puasa sunat enam Syawal paling awal dimulakan pada 2 Syawal. Ini kerana tarikh 1 Syawal adalah hari Eidil Fitri dan kita dilarang dari berpuasa pada hari tersebut. Abu Hurairah رضي الله عنه berkata:

((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ: يَوْمَ الْأَضْحَى، وَيَوْمَ الْفِطْرِ)) رواه مسلم.

Maksudnya: "Nabi ﷺ melarang puasa pada hari (Eidil) Fitri dan (Eidil) Adha." [Al-Bukhari no: 1991].

Bagaimana Melaksanakan Puasa Sunat Enam Syawal?

Syarat dan adab bagi puasa sunat enam Syawal adalah sama seperti puasa wajib pada bulan Ramadhan.

Persoalan yang menjadi perbincangan para ulama' ialah:

1- Adakah ia dilaksanakan secara berturut-turut selama enam hari atau secara terputus?

Pandangan yang lebih tepat adalah ia boleh dilakukan secara terputus (tidak berturut-turut) asalkan jumlah enam hari dicukupkan sebelum berakhirnya bulan Syawal. Ini kerana Rasulullah ﷺ menganjurkan puasa sunat enam hari bulan Syawal secara umum tanpa memberi ketentuan hari-harinya. Maka puasa 6 tersebut boleh dilaksanakan pada mana-mana hari dalam bulan Syawal asalkan bukan pada 1 Syawal dan bukan selepas bulan Syawal.

Namun adalah lebih afdhal disegerakan pelaksanaan puasa enam Syawal berdasarkan umum ayat:

((وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ)) [آل عمران: 133]

Maksudnya: "Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu..." [Aali Imran:133]

2- Hukum Melaksanakan Puasa Sunat Enam Syawal Sebelum Mengqadha Puasa Ramadhan.

Wujud perbincangan di kalangan para ulama' tentang masalah ini dan menghasilkan dua pendapat.

Pendapat Pertama: Boleh melakukannya,

berdasarkan dalil amalan Sayyidah Aisyah رضي الله عنها katanya: ((كَانَ يَكُونُ عَلَى الصَّوْمِ مِنْ رَمَضَانَ، فَمَا اسْتَطَاعَ أَنْ أَقْضَى إِلا فِي شَقِيحَانِ. قَالَ يَخْيَى: الْمَشْغُولُ مِنَ التَّيْبِنِ أَوْ بَالْتِبِنِ)) رواه البخاري.

Maksudnya: "Aku memiliki hutang puasa bulan Ramadhan. Aku tidak mampu mengqadhanya kecuali pada bulan Sya'ban." Kerana sibuk (melayani) Rasulullah ﷺ. [Muslim no: 1146, Al-Bukhari, no: 1950]

Penjelasan "kerana sibuk melayani Rasulullah ﷺ." ialah penjelasan salah seorang perawi hadis yang bernama Yahya bin Sa'id.

Para ulama' yang mengemukakan pendapat pertama berhujah, sudah tentu tidak mungkin isteri Rasulullah ﷺ, yakni Aisyah رضي الله عنها, tidak melaksanakan puasa sunat enam Syawal. Pasti beliau melaksanakannya dan tindakan beliau yang mengqadha puasa Ramadhan pada bulan Sya'ban menunjukkan dibolehkan berpuasa sunat enam Syawal sekali pun seseorang itu masih memiliki hutang puasa Ramadhan.

Pendapat Kedua: Tidak boleh melakukannya,

berdasarkan hadis yang menganjurkan puasa sunat enam Syawal itu sendiri yang telah dikemukakan di awal risalah ini. Hadis tersebut berbunyi: "Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian dia mengiringinya dengan enam hari dari bulan Syawal maka seperti ia berpuasa sepanjang tahun."

Rasulullah ﷺ mensyaratkan "berpuasa Ramadhan" terlebih dahulu, kemudian barulah "mengiringinya dengan enam hari dari bulan Syawal".

Ini menunjukkan puasa sunat enam Syawal hanya dilaksanakan sesudah seseorang itu menggenapkan puasa Ramadhannya. Jika ada puasa Ramadhan ditinggalkan, ia perlu diqadha terlebih dahulu. Kemudian barulah diiringi dengan puasa sunat enam Syawal.

Kalau diperhatikan secara teliti, pendapat yang kedua lebih utama; Kerana ia lebih menepati dalil puasa sunat enam Syawal itu sendiri. Selain dari itu, membayar hutang yang wajib hendaklah didahulukan dari memberi

sedekah yang sunat. Ini disokong dengan ayat 133 surah Aali Imran yang dikemukakan sebelum ini.

Namun, sekiranya seorang itu tidak berkesempatan (disebabkan keuzuran) untuk melakukan qadha kemudian berpuasa enam dan dia berkeyakinan akan sempat mengqadhakannya sebelum Ramadhan tahun berikutnya, maka pendapat yang pertama boleh diterima, berdasarkan apa yang dilakukan oleh Sayyidah Aisyah رضي الله عنها.

Menurut Imam An-Nawawi رحم, Mazhab Malik, Abu Hanifah, Asy-Syafie, Ahmad dan Jumhur salaf dan khalaf mengatakan: "Qadha puasa Ramadhan bagi mereka yang berbuka kerana uzur seperti kedatangan haid dan musafir, maka kewajipan mengqadhanya adalah secara bertangguh (*'ala at-tarakhi*), tidak disyaratkan qadha terus apabila boleh melakukannya". [Syarah Sahih Muslim 8/22].

Menurut Al-Khatib Asy-Syarbini: "Sesiapa yang tertinggal puasa Ramadhan, **sunat** dia mengqadhakannya secara berturut-turut dan makruh bagi orang yang ada qadha Ramadhan melakukan puasa sunat". [Mughni Al-Muhtaj 2/181 cet. Darul Kutub al-Ilmiah, Beirut].

3- Menggabungkan puasa qadha dan puasa enam.

Di antara persoalan yang sering timbul sekitar puasa enam ialah adakah harus menggabungkan di antara dua puasa iaitu puasa qadha dan puasa enam hari di bulan Syawal.

Adakah diganjar dengan kedua-dua pahala tersebut dengan puasa yang satu?

Persoalan ini berfaku *khilaf* di kalangan ulama', **sebahagiannya yang berpendapat tidak boleh** mencampurkan niat puasa sunat dengan puasa fardhu yang lain atau dengan puasa sunat yang lain, sekiranya dilakukan maka puasanya itu

tidak sah, tidak bagi yang fardhu dan tidak bagi yang sunat.

Ada dikalangan ulama' Syafi'iyah berpendapat bahawa ganjaran puasa enam tetap akan diperolehi apabila seseorang berpuasa qadha sekalipun ia tidak berniat menggabungkan kedua-duanya, namun pahala yang diperolehi kurang daripada seorang yang berpuasa kedua-duanya secara berasingan. [Lihat: Mughni Al-Muhtaj 2/184, Hasyiah Asy-Syarqawi 1/428, Fatawa Al-Azhar 9/261 Al-Maktabah Asy-Syamilah]

Setelah dikaji, pandangan ulama' yang membolehkan puasa dua dalam satu ini, tidak bersandarkan mana-mana dalil al-Qur'an dan al-Sunnah.

Mereka juga mengatakan amalan ini hanya mendapat pahala kerana kebetulan berpuasa qadha dalam bulan Syawal, sama seperti pahala sunat tahiyatul masjid dengan solat fardhu (orang yang terus melakukan solat fardhu apabila masuk ke dalam masjid akan mendapat juga pahala sunat tahiyatul masjid). Wallahu a'lam.

Oleh itu, lakukanlah dua ibadat puasa ini (fardhu dan sunat) secara berasingan, kerana sebagai seorang hamba yang tunduk kepada Allah ﷻ, memperbanyakkan amalan *taqarrub* dengan memisahkan di antara yang menjadi kewajiban dengan yang menjadi galakan (sunat) tentulah lebih menunjukkan kesungguhan diri sebagai seorang hamba yang mencari keredhaan Tuhannya. Ini juga lebih berhati-hati (*ahwat*) dalam ibadat, serta melakukan ibadat dengan yakin adalah lebih utama (*awla*).

Sebagai kesimpulan, puasa sunat semata-mata kerana Allah ﷻ (bukan kerana sakit atau ingin berdiet) mempunyai kelebihan yang besar di sisi Allah dan sangat digalakkan oleh Rasulullah ﷺ.

Sebagaimana yang diketahui semua amalan sunat adalah sebagai penampal kepada mana-mana kekurangan dalam

amalan fardhu. Puasa enam hari pada bulan Syawal ini pula *thabit* dari sunnah Rasulullah ﷺ.

Sempurnakan dahulu qadha beberapa hari yang tertinggal, kerana kita tidak tahu apakah hayat dan kesihatan yang ada akan berterusan sehingga kita dapat menunaikannya di masa hadapan.

Bagi orang yang tidak sempat melakukan puasa sunat kerana sibuk dengan puasa wajib diharapkan Allah ﷻ akan memberi ganjaran berdasarkan niat dan azamnya.

Semoga kita semua diberi taufiq dan hidayah oleh Allah ﷻ ke jalan yang di redhai-Nya.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Sumber:

www.abuanasmadani.com

www.abuanasmadani.blogspot.com

Orleh: Abu Aras Madani,

Pondok Sungai Durian, Kelantan, 04 Syawal 1429H.

SUMBANGAN UNTUK PONDOK SUNGAI DURIAN HOPEH DISALURKAN MELALUI BANK

AKAUN BANK	
AKAUN BANK ISLAM	
Akaun Wakaf (Pembangunan)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH NO.AKAUN : 03-072-01-0115839 (BIBM)
Akaun Pentadbiran (Derma)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH NO.AKAUN : 03-072-01-0118116 (BIBM)
Akaun Masjid Pondok Sg. Durian	NAMA AKAUN: MASJID AR-RAHMAN NO.AKAUN : 03-072-01-0112942 (BIBM)
Akaun Persatuan Guru	NAMA AKAUN: TABUNG KEBAHAKAN GURU NO.AKAUN : 03-072-01-0124510 (BIBM)
AKAUN MAYSABANK	
Akaun Pentadbiran (Derma)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH SG.DURIAN NO.AKAUN : 5530-2961-0334 (MAYBANK)
Akaun Pentadbiran (Zakat)	NAMA AKAUN: PONDOK SUNGAI DURIAN NO.AKAUN : 5530-2961-4058 (MAYBANK)
AKAUN BANK RAKYAT & AGRO BANK	
Akaun Pentadbiran (Infak)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH PONDOK NO. AKAUN : 11-142-100189-6 (BANK RAKYAT)
Akaun Pentadbiran (Infak)	NAMA AKAUN: MADRASAH MUHAMMADIAH NO. AKAUN : 10067-01-0000-33854 (AGRO BANK)

BERSEKUTUAN MELALUI JAJA BAH PANGKASAM MASJID
No. 29, Jaj. 111, Tel. 815344187 (D. And. dan. 714-421-142) (D. NAWA)
PondokSungaiDurian@gmail.com, http://www.pondoksungaidurian.com

MADRASAH MUHAMMADIAH atau lebih dikenali dengan PONDOK SUNGAI DURIAN adalah sebuah pusat pendidikan Islam yang ditubuhkan secara persendirian dan ia tidak mempunyai sumber kewangan tetap. Oleh itu, MADRASAH MUHAMMADIAH memerlukan sokongan dan sumbangan daripada orang-orang yang berkecimpung dalam dunia pendidikan, kesihatan, sosial, dan sebagainya. Sumbangan tersebut boleh dihantar terus ke pejabat Madrasah atau melalui akaun seperti di atas.



www.darultaalim.com
(Siri 8)

رسالة
فواسف هاسري شوال

Risalah PUASA SUNAT ENAM SYAWAL

Persoalan Sunat
&
Menggabung
Qadha dan Sunat
Al-Faqir ilaLah



www.abuanasmadani.com
www.abuanasmadani.blogspot.com
1440H/2019M

YAYASAN PONDOK SUNGAI DURIAN

BANK ISLAM 03-072-01-013644-1

Maybank 5530 2961 9714

KURSI: Pengarah: WPD, Dato' Dr. Abdul Basit, A.P. 219-841811.
Sembahkah WPD, Ustaz Yusof Yusoff, U.P. 114-230448.
No. Ponsel: 08-9492011.
Email: pondoksungai@gmail.com, www.pondoksungai.com